

10/04/1998

PM tegur agensi enggan bantu JAS

SUBANG, Khamis - Jabatan Alam Sekitar (JAS) diarah supaya melaporkan kepada Kabinet mana-mana agensi kerajaan yang tidak bekerjasama untuk membanteras pembakaran terbuka.

Arahan itu dikeluarkan sendiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Kabinet semalam berikutan peningkatan pembakaran terbuka di sekitar Lembah Klang.

Perdana Menteri juga mahu mereka yang melakukan pembakaran terbuka dikenakan tindakan tegas, termasuk dihadapkan ke mahkamah.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata tinjauan dengan helikopter milik Unit Polis Udara semalam mengesan termasuk merakam gambar kawasan pembakaran terbuka di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

"Tidak kurang 20 pembakaran terbuka dikesan dari udara mulai jam 6 petang hingga 7.30 petang semalam. Saya sendiri yang menghantar gambar itu kepada Perdana Menteri pagi ini," katanya selepas merasmikan seminar Pengurusan Alam Sekitar dan Penyesuaiannya dengan Sektor Pembuatan, hari ini.

Mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1996, individu, pemilik tanah atau syarikat yang melakukan pencemaran, termasuk pembakaran terbuka boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

Law berkata, JAS akan bertindak tegas dalam soal pembakaran terbuka dengan terus mengambil tindakan mahkamah dan bukan lagi mengenakan kompaun seperti sebelum ini.

Sehubungan itu, beliau berharap Jabatan Peguam Negara memberi keutamaan dengan mempercepatkan sebutan kes seperti itu di mahkamah kerana masalah pencemaran, termasuk pembakaran terbuka bertambah serius.

Selain tindakan mahkamah, katanya, pesalah juga dikehendaki membayar apa sahaja kos perkhidmatan termasuk kos operasi menggunakan helikopter.

JAS juga akan bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan Tanah bagi mengenal pasti pemilik tanah terbabit yang melakukan pembakaran terbuka melalui gambar yang diambil.

Menurutnya, operasi udara itu akan diperluaskan ke setiap negeri dengan kerjasama Unit Polis Udara dan Tentera Udara Diraja Malaysia bagi memastikan tiada lagi pembakaran terbuka.

"JAS akan mengadakan perbincangan lanjut mengenai operasi itu dengan pihak berkenaan bagi memastikan operasi itu berjaya. Mereka yang didapati melakukan pembakaran terbuka juga akan didedahkan kepada umum," katanya.

(END)